# PM: Umat Islam perlu bersatu beribadat

BH 6 SEP 1984

(P)

Oleh NAZAR ABDUL

ALOR STAR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa umat Islam perlu bersatu dalam hal-hal ibadat walaupun mereka tidak setuju antara satu sama lain dalam perkara-perkara dunia.

"Umat Islam perlu mengenepikan perselisihan faham waktu hendak beribadat kepada Tuhan," tegas Perdana Menteri ketika berucap kepada umat Islam di masjid baru Jitra, 20 km dari sini, pagi ini.

Katanya, umat Islam seharusnya bersatu dan sama-sama sembahyang berjemaah di masjid-masjid sama ada sembahyang Jumaat, Hari Raya atau akan lain-lain sembahyang.

Beliau menegaskan, masjid perlu dijadikan tempat untuk memupuk semangat persaudaraan dan menambah ilmu pengetahuan mengenai agama di samping menjadikan ia tempat beribadat.

"Masjid bukannya tempat untuk menimbulkan masalah hingga berlaku keadaan kucar-kacir dalam masyarakat," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri umat Islam perlu menumpukan kepada ibadat dan perkara-perkara yang baik sahaja ketika berkumpul di masjid-masjid dan tidak menimbulkan soal-soal kedudukan.

Melalui ibadat Haji umat Islam daripada Islam sangat penting bagi menjadikan kedudukkan agama Islam teguh di negara ini.

Hidup rakyat tidak bermakna jika tidak ada hubungan baik dan persaudaraan di kalangan mereka.

Katanya, umat Islam berpeluang mencapai tujuan ini melalui sembahyang berjemaah dan juga menunaikan fardu Haji ke tanah suci Makkah.

Di masjid-masjid umat Islam dalam satu-satu kariah itu berpeluang bertemu muka dan berkenalan antara satu sama lain.

Begitu juga dengan umat Islam yang menunaikan fardu Haji, mereka yang datang dari pelbagai negara berpeluang berhimpun dan berkenalan serta beribadat bersama-sama untuk menjalin persaudaraan umat Islam seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika umat Islam berpecah belah dan berperang, mereka akan dijajah oleh bangsa-bangsa yang lebih kuat dan suka menindas bangsa lain.

pelbagai bangsa dan keturunan diseru supaya berkumpul di Makkah dan sama-sama mengerjakan kewajiban mereka di samping merapatkan lagi hubungan silaturahim dan persaudaraari' di kalangan mereka.

Dalam soal perpaduan dan hubungan persaudaraan, tambahnya, masalah berbilang bangsa tidak patut di'jadikqn penghalang bagi mancapai matlamat itu.

Menurut Datuk Dr Seri Mahathir, bangsa tidak menjadi ukuran kemuliaan seseorang melainkan perasaan takwa kepada Allah.

Beliau menegaskan, walaupun umat Islam negara ini masih berpegang kuat kepada .bangsa, mereka tidak 'mengenepikan agama untuk memupuk persaudaraan sesama mereka.

## Persaudaraan

"femangat kebangsaan sebenarnya penting bagi menjamin kedudukan agama supaya tidak terancam.

"Jika tidok ado semangat kebangsaqn' di kalongan umot Islam moko mereko akan 'meninggalkon negara don agama apabila diancam oleh kuaso-kuasp lain," tambahnya.

Oleh itu, tegos Perdana Menteri, semangot kebangsaan yang tidok membelakangkan ogama

Turut bersembahyang di masjid itu ialah Menteri Kewangan Encik Daim Zainuddin, ahli Exco negeri., Datuk Paduka Haji Osman Aroff dan wakil rokyot kowoson Tunjang Hoii Honofi Romli.